



PETIKAN TITAH



Setiap kali tibanya Hari Kebangsaan, kita bukan sahaja meraikan kemerdekaan, tetapi juga dituntut untuk muhasabah diri. Kita perlu bertanya kepada diri sendiri: Apakah kita sudah benar-benar memahami erti kemerdekaan?

Perlu diingat, kemerdekaan bukanlah setakat untuk memperingati detik berlakunya pada setiap tahun. Tetapi perlu juga difahami bahawa kemerdekaan adalah tanggungjawab untuk memelihara perpaduan dan membangun negara menjadi sebuah negara yang aman dan makmur.

Sesungguhnya, memahami erti kemerdekaan adalah bermula dari menghargai pengorbanan mereka yang telah berjuang, dengan kita pula berganding bahu mengisi kemerdekaan yang ada, tanpa mengira kaum, ugama dan latar belakang.

Sangat mustahak juga diingat, bahawa sesbuah negara adalah ibarat sebuah rumah besar. Kekuatannya bukan sahaja bergantung kepada tiang dan dinding yang kukuh, tetapi juga setiap penghuninya mestilah sama-sama bertanggungjawab untuk menjaga dan memeliharanya. Kejayaan dan kemakmuran negara tidak hanya terletak di bahu Kerajaan semata-mata, bahkan setiap lapisan masyarakat mesti turut berperanan sama.

Sebagai warganegara yang baik, tidak siapapun yang boleh berkecuali dalam membangun negara. Banyak atau sedikit sumbangan masing-masing, itulah jasa dan pengorbanan namanya.

Marilah kita bersama-sama memainkan peranan dalam membina masa depan yang lebih cerah untuk kita hari ini dan generasi yang akan datang. Semoga dengan semangat patriotisme dan perpaduan, kita akan dapat mencapai wawasan negara yang mampan, maju dan inklusif.

Akhirnya, Beta sukcita ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuk peserta, petugas dan ahli-ahli Jawatankuasa yang bertungkus lumus dalam menjayakan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41 pada tahun ini.

TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-41 BAGI TAHUN 1446/2025

SIDANG EDITORIAL CANANG

Penasihat:

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Pengerusi:

Yang Mulia Awang Haji Abu Asiruddin bin Haji Zaini
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

Pengarang/Sumber Berita:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penerangan

Susun Atur dan Penyelaras

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Penyunting

Yang Mulia Dayang Dr. Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

Pruf dan Penyemakan:

Yang Mulia Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Fotografi:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat

Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:

Jabatan Penerangan

PROGRAM SIRI BICARA INSPIRASI (BISAI) 2025-1 EDISI KHAS SEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-41 TAHUN “SEMANGAT PATRIOTISME: PENGORBANAN DULU, TANGGUNGJAWAB KINI”

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Syaaban 1446 / 6 Februari 2025 - Unit Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, KKBS telah mengendalikan Program Siri Bicara Inspirasi (BiSAI) 2025-1 Edisi Khas Sempena Hari Kebangsaan Ke-41 Tahun - Semangat Patriotisme: Pengorbanan Dulu, Tanggungjawab Kini bertempat di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Program BiSai edisi khas kali ini disampaikan oleh Yang Mulia Cikgu Awang Hj Ali Yusri bin Haji Abd Ghafor dan Yang Mulia Awang Iswandy bin Ahmad, yang antara lainnya menyentuh mengenai nilai patriotisme yang menjadi sebahagian daripada nilai murni untuk dijiwai dan dipupuk sebaik mungkin. Tanya juga akan dijadikan sebagai pegangan untuk disemai dalam jiwa segenap lapisan masyarakat di negara ini.



SIDANG MEDIA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-41, TAHUN 2025



JERUDONG, Isnin, 11 Syabaan 1446 / 10 Februari 2025

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu`izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan untuk berangkat bercemar duli ke Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu`izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah mengurniakan titah perkenan untuk berangkat bercemar duli ke Majlis-Majlis Utama Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, iaitu Majlis Kesukuran Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaasin dan Doa Kesukuran.

Satu Sidang Media mengenai persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 telah diadakan di Kompleks Sukan Jerudong, Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin bin Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 telah mengongsikan maklumat-maklumat mengenai acara-acara utama, acara-acara sampingan dan keraian serta persiapan-persiapan yang telah dan akan dilaksanakan bagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41.

Sidang Media telah diselajurkan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang logo iaitu Yang Mulia Awang Mohammad Nuramar Faiq @ Bahrin, Pelukis Tingkat 2, Jabatan Adat Istiadat Negara dan seterusnya penyerahan poster Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2021 kepada ahli panel, Pegawai Perhubungan Awam Kementerian-Kementerian, termasuk Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta rakan media.



Sambungan Muka Surat 4



MAJLIS PENYAMPAIAN KURMA KURNIA PERIBADI KDYMM SEMPENA BULAN RAMADAN 1446/2025 BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KKBS



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Syabaan 1446 / 12 Februari 2025 - Majlis Penyampaian Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Bulan Ramadhan 1446/2025 kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan di bawahnya telah diadakan pada hari ini di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir bagi menyempurnakan majlis, Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) selaku menjalankan tugas Setiausaha Tetap (Kesukunan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat majlis.



MAJLIS PENGAGIHAN BENDERA KECIL DAN PROGRAM SEMARAK PENGIBARAN BENDERA SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE- 41, TAHUN 2025 DI DAERAH TUTONG

DAERAH TUTONG, Khamis, 14 Syaaban 1446 / 13 Februari 2025 - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum dan Jabatan Pendidikan Swasta dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada hari ini telah mengadakan Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera bagi sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025.

Majlis ini diadakan serentak di keempat-empat daerah dan bertujuan untuk menyemai rasa kecintaan serta semangat patriotisme di kalangan pelajar bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan.

Tumpuan utama bagi majlis ini berlangsung di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Daerah Tutong. Hadir selaku Tetamu Kehormat bagi majlis berkenaan ialah YB Datin Seri Setia Dr Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Menteri Pendidikan. .

Di Daerah Belait, majlis diadakan di Sekolah Menengah Chung Hua, Kuala Belait. Hadir selaku Tetamu Kehormat dan menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja berkenaan ialah YB Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Di Daerah Temburong, majlis diadakan di Sekolah Rendah Puni. Hadir selaku Tetamu Kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja ialah YB Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Di Daerah Brunei dan Muara, hadir selaku Tetamu Kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ialah YM Dr. Haji Azman bin Ahmad, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan.

Majlis juga diadakan di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, hadir selaku Tetamu Kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja ialah Yang Mulia Ustaz Haji Shamshol bin Haji Omar, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama.





UPACARA MENAIKKAN BENDERA BESAR SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEAN



DAERAH BRUNEI DAN MUARA, Khamis, 14 Syaaban 1446 / 13 Februari 2025 - Upacara menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam yang menandakan bermulanya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025, telah diadakan di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di upacara tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan juga Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025.

Dengan berkibarnya bendera besar negara, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini adalah diseru untuk sama-sama mengibarkan bendera bagi memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan serta pemasangan dan penyalaan lampu-lampu ccul di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta mulai hari ini Sabtu, 16 Syaaban 1446 bersamaan 15 Februari 2025 sehingga hari Selasa, 26 Syaaban 1446 bersamaan 25 Februari 2025.

YB DATO SERI SETIA HAJI AWANG NAZMI BIN HAJI AWANG MOHAMAD, MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN TELAH MENGHADIRI 13TH CONFERENCE OF THE MINISTERS OF CULTURE IN THE ISLAMIC WORLD PADA 12 HINGGA 13 FEBRUARI 2025



YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN BRUNEI DARUSSALAM,
MENGHADIRI 13TH CONFERENCE OF THE MINISTERS OF CULTURE, IN THE ISLAMIC WORLD,
JEDDAH, ARAB SAUDI 12 - 13 FEBRUARI 2025

13 Februari 2025 di Jeddah, Arab Saudi

www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/Kementerian-Kebudayaan-Belia-dan-Sukan)



JEDDAH, ARAB SAUDI, Khamis, 14 Syaaban 1446 / 13 Februari 2025 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menghadiri 13th Conference of the Ministers of Culture in the Islamic World pada 12 hingga 13 Februari 2025 di Jeddah, Arab Saudi.

Mesyuarat tersebut yang bertemakan "Impak Budaya terhadap Pembangunan Sosio- Ekonomi" dipengerusikan oleh His Highness Prince Badr bin Abdullah bin Farhan Al Saud, Menteri Kebudayaan Arab Saudi, dan dihadiri oleh Secretary General of the Organisation of Islamic Cooperation (OIC), Director-General of the Islamic World Educational, Scientific and Cultural Organization (ICESCO), Under-Secretary-General, High Representative for the Alliance of Civilizations of United Nations (UN), Menteri-Menteri Kebudayaan dan Ketua-Ketua Delegasi negara-negara ahli OIC.

Persidangan didahului dengan 19th Meeting of the Consultative Council for Cultural Development in the Islamic World yang telah berlangsung pada 10 Februari 2025. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut disertai oleh Yang Mulia Dr Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengetua Sejarah Brunei serta pegawai-pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

UPACARA PERBARISAN TAMAT LATIHAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA PENGAMBILAN KE-13



DAERAH TEMBURONG, Isnin, 18 Syaaban 1446 / 17 Februari 2025 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan Ke-13 di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara, Batu Apoi, Daerah Temburong.


Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Padang Kawad, Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara, Batu Apoi, Temburong dijunjung oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Mejah Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Mulia Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin, Pemangku Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei dan Yang Mulia Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan Ke-13 yang terdiri daripada seramai 367 orang Pelatih (253 orang lelaki dan 114 orang perempuan).

Juga hadir ke ke Upacara Perbarisan Tamat Latihan ialah Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Negara, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pemangku Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei.



Sambungan Muka Surat 14




RAPTAI PENUH SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-41, TAHUN 2025


BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Syaaban 1446 / 20 Februari 2025 -
Raptai Penuh Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 di Taman Haji Sir Omar 'Ali Saifuddien.





MAJLIS KESYUKURAN SEMBAHYANG FARDHU MAGHRIB BERJEMAAH, MEMBACA SURAH YASIN DAN DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-41, TAHUN 2025



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Syaaban 1446 / 22 Februari 2025 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-41, Tahun 2025 yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.



Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.



Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 juga diadakan serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan mengikut daerah masing-masing.

MAJLIS KESYUKURAN SEMBAHYANG FARDHU MAGHRIB BERJEMAAH, MEMBACA SURAH YASIN DAN DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-41, TAHUN 2025



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Syaaban 1446 / 22 Februari 2025 -

Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025M juga diadakan serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan mengikut daerah-daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, diadakan di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara; dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Bagi Daerah Belait pula menjadi tumpuan ialah di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait; dan Masjid Pekan Seria.

Manakala Daerah Tutong di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong. Bagi Daerah Temburong menjadi tumpuan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

UPACARA PERHIMPUNAN AGUNG SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-41, TAHUN 2025

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 Syaaban 1446 / 23 Februari 2025 - Negara Brunei Darussalam (NBD) sekali lagi melakar sejarah dengan meraikan Sambutan HK Ke-41 yang mana seluruh rakyat dan penduduk berasa kemeriahinan dan pamer cinta kepada negara, raja, bangsa dan agama berlandaskan falsafah negara, Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir.




Semangat itu terus berkobar dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bagi menyertai rakyat dan penduduk di negara ini ke Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025.



Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar.



Turut menjunjung keberangkatan tiba ialah Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Pemangku Pesuruhjaya Polis, DCP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin.









Berangkat sama pada majlis sambutan tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Upacara bermula dengan perbarisan lalu di hadapan Pentas Diraja oleh lebih 11 ribu peserta yang mewakili 185 buah pasukan dengan didahului oleh Pembawa Bendera NBD berukuran besar yang diikuti oleh Pasukan Pembaca Ikrar, Pasukan Pembawa Bendera-bendera Logo Hari Kebangsaan, ABDB, PPDB, Pasukan Beruniform yang lain, Pasukan Badan Berkanun, Pasukan Sektor Awam dan Pasukan Jabatan Daerah-daerah.



Sambungan Muka Surat 21



MAJLIS PELANCARAN SMS BRUNEI PRIHATIN UNTUK TABUNG ANAK-ANAK YATIM BAGI TAHUN 1446/2025 DAN PENYAMPAIAN SURAT PENGANUGERAHAN PROGRAM BIASISWA ANAK YATIM



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Syaaban 1446 / 25 Februari 2025 -
Majlis Pelancaran SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-Anak Yatim 1446H/2025M yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 25 Februari 2025.



Majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis juga diteruskan dengan penyerahan derma hasil kutipan SMS Brunei Prihatin yang dikumpulkan pada tahun 1445H/2024M daripada syarikat-syarikat telekomunikasi kepada YB Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.


Turut diadakan penyampaian surat penganugerahan Program Biasiswa Anak Yatim Sesi 4 (2025) kepada dua orang anak-anak yatim yang terpilih mengikuti Program BIBD Alaf.

Kutipan derma melalui SMS Brunei Prihatin berlangsung selama 9 bulan bermula 25 Februari 2025 dan berakhir pada 25 November 2025.


UPACARA MENURUNKAN BENDERA BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-41, TAHUN 2025





BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Syaaban 1446 / 25 Februari 2025 -
Upacara Menurunkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam yang diadakan menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera di seluruh negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025. Upacara diadakan di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.



Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis bagi menyempurnakan upacara tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025.




MAJLIS KHATAM AL-QURAN 41 KALI SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-41, TAHUN 2025




Bandar Seri Begawan, Khamis, 28 Syaaban 1446 / 27 Februari 2025 - Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali sebagai salah satu acara sampingan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 telah diadakan secara serentak di keempat-empat daerah dengan tumpuan utama bagi Daerah Brunei dan Muara di Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Bagi Daerah Belait, majlis diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama.



Manakala di Daerah Tutong pula, majlis telah diadakan di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Amat Mulia SAC Pengiran Anak Haji Mohd Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Polis Diraja Brunei.

Sementara di Daerah Temburong, tumpuan majlis adalah di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie dan hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Brigadier General (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim, Timbalan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



MAJLIS KHATAM AL-QURAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN) PENGAMBILAN KE-13



DAERAH TEMBURONG, Khamis, 28 Syaaban 1446 / 27 Februari 2025 -

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Khidmat Bakti Negara telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran khusus bagi para pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-13 bagi sesi tahun 1446/2025 di Dewan Kuliah, Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara, Kampong Batu Apoi, Daerah Temburong. Hadir sebagai Tetamu Kehormat Majlis adalah Yang Mulia Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.


Pelatih-Pelatih PKBN Pengambilan Ke-13 seterusnya menerima sijil yang disampaikan oleh Tetamu Kehormat Majlis sebagai menandakan berakhirnya latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-13.

Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-13 telah disertai oleh seramai 367 orang Pelatih (253 orang lelaki / 114 orang perempuan).





E-Poster Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025



E-Poster Menyambut Bulan Ramadan 1446/2025



ក្រសួងកុំដាយអន, បរិយាខាងសុកន

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dikeluarkan oleh:

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

E-mel: Info@kkbs.gov.bn

Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn

Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan